

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG  
[TANJONG MALIM]**

**TARIKH : 28 JULAI 2020**

**SOALAN**

**YB TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional untuk mewujudkan Menteri Tugas-tugas Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apakah tanggungjawab yang pernah ditugaskan kepada Kementerian ini.

**JAWAPAN : YB DATUK SERI MOHD REDZUAN YUSOF  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Selaku Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, terdapat 5 agensi yang telah diletakkan di bawah portfolio saya iaitu Angkatan Pertahanan Awam (APM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama atau disebut sebagai *Shared Prosperity Delivery Unit* (SEPADU), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

2. Selaras dengan fungsi NADMA sebagai agensi yang mengkoordinasi pengurusan bencana negara ini, saya diamanahkan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) dan juga bertanggungjawab ke atas perbelanjaan peruntukan

## NO. SOALAN : 35

pengurusan bencana di bawah Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN). NADMA dan APM telah memainkan peranan yang besar dalam membantu Kerajaan menangani penularan wabak COVID19.

3. Di antara pencapaian utama dalam pengurusan bencana negara adalah seperti yang berikut:

- i. Mengkoordinasi pengurusan 322 buah Pusat Pemindahan yang boleh menempatkan 104,467 orang *Persons Under Surveillance* (PUS);
- ii. Mengkoordinasi pengurusan penerimaan sumbangan dan perbelanjaan Tabung COVID-19;
- iii. Mengkoordinasi penerimaan dan agihan sumbangan item bukan berbentuk kewangan seperti pelitup muka, *hand sanitizer*, termometer digital, sarung tangan, *Personal Protection Equipment* (PPE) dan kit ujian COVID1;
- iv. Mengkoordinasi agihan perolehan dan sumbangan 52.68juta pelitup muka, 19,882 botol *hand sanitizer*, 9,413 termometer digital, 1.54 juta sarung tangan, dan lain-lain item kepada agensi-agensi barisan hadapan (*frontliners*) dan rakyat mengikut data ketua isi rumah; dan
- v. Mengkoordinasi pengurusan COVID-19 seperti misi *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR), pengurusan Stesen-stesen Kuarantin, penyaluran kewangan kepada negeri-negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk pengurusan COVID-19, bantuan makanan pelajar berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia, dan juga pengurusan hospital sementara MAEPS.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi SEPADU pula berfungsi untuk menetapkan halatuju dan merangka pelan tindakan serta memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dalam memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai menjelang 2030. SEPADU juga berperanan sebagai pemudahcara dalam usaha mempergiat pembangunan ekonomi Bumiputera dan Negara oleh pemain-pemain industri dalam mencapai kemakmuran bersama dengan keutamaan kepada masyarakat B40.

5. Sebuah lagi agensi iaitu TERAJU, merupakan unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara. Pada 14 Julai 2020 yang lalu, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) telah bersetuju untuk mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan TERAJU sebagai agensi penyelarasan tunggal bagi MKB ini diberi tanggungjawab untuk melaksanakan segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan di dalam Majlis ini untuk memenuhi keperluan Bumiputera termasuk usaha pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

6. Yayasan Peneraju pula berperanan untuk meningkatkan kualiti, kuantiti dan keberkesanan bakat-bakat Bumiputera sejajar dengan usaha menaiktaraf Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi melalui pendidikan akademik, pensijilan profesional dan vokasional.

7. Selain daripada fungsi dan peranan yang telah saya sebutkan tadi, portfolio Menteri Tugas-Tugas Khas juga termasuklah melaksanakan apa-apa tugas khas yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.